

Untuk jadi kompleks niaga termoden

Rafidah arah

kesesuaian

Puduraya dikaji

KUALA LUMPUR, Isnin — Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz mengarahkan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) mengkaji kesesuaian Kompleks Hentian Puduraya untuk dijadikan sebuah kompleks perniagaan termoden di Bandaraya.

Arahan tersebut dibuat dalam mesyuarat dengan pegawai-pegawai kanan kementerianya dan UDA di sini hari ini.

Bellau berkata, cadangan menjadikan Hentian Puduraya sebagai pusat perniagaan termoden dibincangkan secara teliti dalam mesyuarat tersebut.

Berita Harian dalam ruangan 'Mata Yang Melihat' Jumaat lalu mencadangkan supaya Hentian Puduraya yang menempatkan bas-bas destinasi luar dijadikan sebagai sebuah kompleks per-

Oleh YUNUS ALIAS

niagaan setanding dengan Victoria di London.

Katanya, semua teguran dan pandangan yang dipaparkan itu telah diteliti dan tindakan akan dibuat bagi kepentingan orang ramai.

Bagaimanapun, Datin Paduka Rafidah berkata kompleks perniagaan yang mungkin diadakan itu tidaklah menyerupai Victoria di London.

Kemudahan

"Kepentingan Bumiputera harus juga diutamakan, kerana mereka tidak mempunyai kemampuan membayar sewa mahal," katanya.

Datin Paduka Rafidah memberitahu lagi, bellau juga telah mengarahkan UDA memeriksa keadaan bangunan Hentian Puduraya dari semua aspek.

"Tindakan untuk membaiki keretakan yang berlaku juga

akan dibuat demi keselamatan orang ramai," jelasnya.

Mengenal kemudahan yang dikatakan masih belum memuaskan, bellau mengarahkan Urus Bangunan iaitu sebuah syarikat UDA membalikinya.

"Cermin tandas yang pecah, longkang tersumbat dan segala keperluan lain akan juga diberi perhatian," ujarnya.

Bellau mengingatkan Hentian Puduraya dibina untuk kemudahan orang ramai dan UDA akan mengadakan kemudahan sosial yang sepatutnya walaupun terpaksa menanggung kerugian.

Datin Paduka Rafidah menyebut pulangan dari pungutan bayaran tandas yang katanya terlalu kecil jika dibanding dengan kos pengurusannya.

"Tetapi ini adalah satu khidmat sosial dan UDA akan terus memastikan kebersihannya," jelas bellau.